


TARIKH	17 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	SETEMPAT

Hadiah bermakna

Wanita bersyukur berangkat ke Tanah Suci pada tarikh sama dengan hari jadi



Lambaian Kaabah

>>Oleh Fazurawati Che Lah

fazurawati@hmetro.com.my

KELANA JAYA: "Inilah hadiah hari jadi yang sangat bermakna kerana saya berangkat ke Tanah Suci Makkah pada tarikh sama saya dilahirkan.

"Saya berasakan inilah antara detik yang sangat mengagumkan sepanjang hidup saya kerana berpeluang menunaikan haji pada tarikh istimewa," kata bakal jemaah, Jamaliah Anang.

Jamaliah, 53, dari Sungai Besar, Sabak Bernam bersyukur kerana hasrat menunaikan haji terlaksana selepas lama menanti tawaran ber-

kenaan.

Katanya, walaupun tahun ini tiada sambutan hari jadi seperti tahun sebelum, namun dia berbangga kerana ramai saudara-maranya berkumpul dan datang menemuinya sebelum ke Tanah Suci Makkah.

Menurut Jamaliah, hasrat mengerjakan haji sudah lama tertanam dalam hatinya dan mahu melaksanakan rukun Islam kelima itu bersama suami tercinta, Abdullah Abd Rahman, 56.

"Sudah lama saya mema-

sang niat menunaikan haji iaitu sebelum suami jatuh sakit kira-kira lapan tahun lalu

dan ketika itu kami berhasrat untuk sama-sama ke sana.

"Namun hajat itu tak kesampaian kerana suami menghadapi masalah sakit buah pinggang dan ini menghalang dia untuk ke sana kerana perlu menjalani rawatan dialisis setiap dua kali seminggu," katanya ketika ditemui.

Katanya, walaupun agak sedih mahu meninggalkan suami yang sedang sakit, namun dia berasakan pemergian ke

sana antara peluang untuk dia mendoakan supaya suaminya sembuh dari penyakit itu.

"Itu antara doa yang mahu saya mohon di hadapan Kaabah nanti kerana saya mahu melihat suami sihat selepas lama bertarung dengan penyakitnya itu," katanya ketika ditemui.

Walaupun tak ditemani suami, ibu kepada dua anak itu tetap gembira kerana kakaknya, Norlia, 60, dapat bersama dia ke Makkah selain disertai rakan sekampungnya, Aminah Abdul Rani, 57.

FOTO | Mohd Asraf Sawal



GEMBIRA...Jamaliah (kiri) bersama Norlia (tengah) dan Aminah berbual sementara menunggu untuk bertolak ke Tanah Suci.